

15/10/2002

DHIT sasar jual 3,000 Komnas Twenty20 setiap bulan

DRB-Hicom Information Technologies Sdn Bhd (DHIT), mensasar menjual kira-kira 3,000 unit komputer peribadi, Komnas Twenty20 sebulan melalui kerjasama strategik yang dijalinakan dengan Bank Simpanan Nasional (BSN), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan lima syarikat tempatan.

Syarikat terbabit ialah Pos Malaysia Berhad, Telekom Sales & Services Sdn Bhd serta tiga anak syarikat kumpulan DRB-Hicom iaitu Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer Sdn Bhd (Puspakom), Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) dan Scott & English Electronics Sdn Bhd.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman bagi kerjasama strategik itu disempurnakan di Shah Alam semalam.

Ia disaksikan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh.

Pengerusi DHIT, Datuk Yatina Yahaya, berkata menerusi kerjasama itu, Komnas Twenty20 kini boleh diperolehi di 150 cawangan terpilih Kedai Telekom, Puspakom, EON dan saluran pengedaran Scott & English Electronics.

Jumlah cawangan jualan itu akan ditingkatkan kepada kira-kira 900 menjelang suku kedua tahun depan, katanya.

Beliau berkata, strategi baru pemasaran syarikat itu bertujuan meneroka pasaran di kawasan luar bandar dan 85 peratus lagi rakyat negara ini yang masih belum memiliki komputer peribadi di rumah.

"Melalui strategi ini, Komnas Twenty20 akan sampai kepada pengguna dengan lebih berkesan termasuk di Sabah dan Sarawak," katanya pada sidang media selepas majlis itu.

Yatina berkata, melalui kerjasama strategik itu, Pos Malaysia akan menyediakan perkhidmatan penghantaran ke rumah komputer peribadi itu, manakala BSN akan menyediakan pembiayaan kepada kakitangan kerajaan melalui potongan gaji yang diuruskan oleh Angkasa.

Kadar faedah bagi pembiayaan yang disediakan BSN itu adalah 4.75 peratus setahun dengan tempoh bayaran balik 36 bulan atau 60 bulan.

Sementara itu, Yatina berkata, DHIT sedang giat membangunkan perisian dan aplikasi baru untuk meningkatkan sistem penyelesaian komputer untuk ditawarkan pada Komnas Twenty20.

"Kami sedang membangunkan PC tablet dan peranti internet yang akan diperkenalkan di pasaran tempatan selewat-lewatnya awal tahun depan serta dijual pada harga yang berpatutan.

"Kedua-dua produk itu dibangunkan berasaskan sistem operasi terbuka Linux oleh jurutera di bahagian penyelidikan dan pembangunan DHIT," katanya sambil menambah syarikat turut giat meneroka peluang pasaran di luar negara.

Komnas Twenty20 yang dibangunkan berasaskan sistem operasi terbuka Linux dengan spesifikasi 1GHz Intel Celeron, 128 MB RAM, 20GB cakera keras dan Modem 56.6K, dijual pada harga RM1,899 seunit.

Komputer itu dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 24 Julai lalu dan setakat ini sudah menerima pengesahan pesanan lebih 2,000 unit.